



SEORANG aktuari perlu mahir dalam subjek Matematik.

Sains aktuari janji kerjaya cemerlang

Jurusan perubatan, undang-undang atau kejuruteraan sering menjadi bidang idaman generasi muda sekarang yang bercita-cita untuk bekerja dalam industri profesional.

Senario ini tercetus berikutan pelajar dan ibu bapa yang terlalu taasub dengan bidang tertentu sehingga melupakan bahawa terdapat banyak lagi jurusan profesion lain yang menjamin masa depan yang cerah.

Antaranya sains aktuari yang berada dalam senarai tertinggi pekerjaan di peringkat dunia dan berpotensi melangkaui pendapatan yang lumayan sekiranya ia diterajui dengan betul.

Mungkin ramai yang tidak tahu mengenai bidang ini, malah ada yang tidak pernah mendengarnya berikutan bidang ini masih menjadi sesuatu yang dangkal dalam masyarakat Malaysia.

Bidang ini menjadi rebutan masyarakat Cina tetapi bukan dalam kalangan komuniti Melayu dan India.

Ramai salah tafsir

Ketua Program Sains Aktuari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Professor Madya Dr Saiful Hafizah Jaaman berkata, sains aktuari satu bidang yang memabitkan kewangan, pelaburan dan insurans dalam pembangunan sesebuah negara.

la satu industri yang berkait rapat dengan risiko kewangan dan insurans.

"Namun apa yang menyediakan, ramai yang tersalah tafsir mengenai bidang ini.

"Ramai yang anggap, sains aktuari hanya memabitkan insurans tetapi tidak tahu bahawa ia sebenarnya mempunyai pelbagai prospek kerjaya," katanya kepada BERNAMA.

Seseorang yang berhasrat untuk menjadi aktuari perlu mahir da-

lam subjek Matematik, khususnya dan mengetahui mengenai ekonomi semasa serta polisi kerajaan yang berkaitan dengan kewangan.

Meskipun tersalah tafsir mengenai bidang itu, namun permohonan untuk mengikuti jurusan ini boleh dikatakan sedang meningkat di universiti tempatan.

Di Malaysia, hanya beberapa universiti tempatan yang menawarkan jurusan ini seperti UKM, UM, USIM dan UiTM.

"Jurusan ini bagi melahirkan siswazah supaya dapat memberikan sumbangan yang berkesan dalam sektor kewangan," katanya.

Seorang aktuari hanya akan digelar sebagai aktuari bertauliah selepas lulus peperiksaan aktuari profesional yang berteraskan standard antarabangsa.

Gaji yang tinggi juga menanti buat seorang aktuari selepas lulus peperiksaan itu.

Prospek kerja luas

Persaingan sengit bagi jawatan lepasan siswazah sentiasa berlaku dalam bidang aktuari dan ia akan mengambil masa beberapa tahun untuk mereka memperoleh pengalaman yang mencukupi dalam industri pasaran.

Presiden Persatuan Sains Aktuari Malaysia (ASM) Yap Chee Keong berkata, bidang kerja untuk aktuari tidak terhad dan bukan hanya tertumpu kepada syarikat insurans saja, sebaliknya sangat luas.

Antaranya insurans hayat, takaful keluarga, insurans am, takaful am, insurans semula, takaful semula, perunding aktuari, perkhidmatan kewangan dan pelaburan, industri manfaat pekerja seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sektor kerajaan, kolej serta universiti.

Mengulas lanjut, beliau berkata, peperiksaan profesional bagi aktuari memainkan peranan penting

dalam menentukan pengisian jawatan bagi pengurusan pertengahan itu.

"Selain itu, ASM juga terus berusaha untuk memperkenalkan profesion ini di Malaysia serta bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan yang menawarkan kursus tersebut supaya mewujudkan peluang pekerjaan dalam industri berkenaan," katanya.

ASM, yang juga ahli dalam Persatuan Aktuari Antarabangsa sejak 2003, turut menganjurkan pelbagai seminar dan bengkel sepanjang tahun untuk memastikan profesion aktuari di negara ini peka terhadap pembangunan serta perkembangan terkini dalam bidang berkaitan.

Jurusan mencabar

Bagi pelajar tahun akhir jurusan sains aktuari di UKM, Hairish Kumar Ganesan, 22, jurusan itu tidak terlalu susah tetapi sudah tentunya mempunyai cabaran yang luar biasa.

Beliau berkata, kemahiran berfikir secara kritikal dan kreatif amat diperlukan bagi menyiapkan diri selari dengan perkembangan ekonomi negara dan dunia semasa.

"Saya mengetahui jurusan ini melalui seorang daripada senior saya yang menamatkan ijazah dalam sains aktuari di Universiti London. Saya amat tertarik dengan jurusan ini selepas berbual dengan beliau," katanya.

Hairish turut berkata pelajar yang ingin menceburi diri dalam bidang ini harus bersedia menghadapi situasi berbeza serta berfikir terbuka untuk mempelajari perkara baharu berkaitan ekonomi negara dan dunia.

Biarpun populariti mengenai bidang ini masih sederhana, generasi muda perlu mengorak langkah untuk menceburi bidang ini sebagai satu cabaran dalam dunia pekerjaan. - BERNAMA